

PERBAHASAN AHLI PARLIMEN MALAYSIA TERHADAP USUL PEMISAHAN SINGAPURA DARI PERSEKUTUAN MALAYSIA

Hamdan Aziz, Hartini Husin, Siti Fatimah Mohd Noor*

Abstrak

Artikel ini menganalisis isu-isu yang dibahaskan oleh Ahli Parlimen Malaysia di Dewan Rakyat dan Dewan Negara berkaitan isu Singapura dikeluarkan dari Persekutuan Malaysia tanggal 9 Ogos 1965 setelah berada dalam Persekutuan Malaysia hampir dua tahun iaitu semenjak 16 September 1963. Justeru kajian kualitatif dilakukan iaitu menggunakan Analisis teks dengan meneliti dan mendeskripsi laporan rasmi (Hansard) Parlimen Malaysia yang bersidang pada 9 Ogos 1965 dan 16 Ogos 1965 sebagai sumber utama di samping beberapa sumber kepustakaan lain bagi mendeskripsikan sebab dan akibat yang membawa kepada penyingkiran Singapura dari Persekutuan Malaysia. Berdasarkan kajian, didapati wujudnya perbezaan pandangan yang ketara antara dua tokoh iaitu Perdana Menteri Malaysia, Tunku Abdul Rahman (Tunku) dengan Ketua Menteri Singapura, Lee Kuan Yew (LKY) terutama dalam aspek ekonomi, politik dan sosial yang akhirnya membawa kepada penyingkiran Singapura. Berdasarkan konsep Persekutuan, Tunku berpandangan Kerajaan Pusat mempunyai kuasa terhadap negeri termasuk Singapura namun LKY menganggap sebaliknya. Tunku juga dilihat masih mempertahankan ketuanan Melayu manakala LKY kelihatan bersungguh-sungguh mengutarakan konsep *Malaysian Malaysia* yang membawa maksud semua penduduk mempunyai hak sama rata tanpa melebihi atau mengurangkan kaum tertentu. Perbezaan pandangan ini menyebabkan 126 ahli Parlimen membuat keputusan menyokong usul Tunku untuk menyingkirkan Singapura dari Persekutuan Malaysia.

Kata kunci: Malaysia, Singapura, dikeluarkan, parlimen, *Hansard*

* Dr. Hamdan Aziz ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL), Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Hartini Husin ialah Pensyarah di Jabatan Kajian Sosial, IPG Kampus Kota Bharu dan juga Pelajar PhD di Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) manakala Siti Fatimah Mohd Noor ialah Guru Kanan Sejarah dan juga Ketua Bidang Kemanusiaan, SMK Lembah Bidang, Setiu.

Pendahuluan

Konsep negara Malaysia yang dicadangkan Tunku Abdul Rahman pada 27 Mei 1961 pernah dicadangkan Malcolm MacDonald pada tahun 1950 yang merancang masa depan politik Tanah Melayu bagi menggabungkan beberapa buah negeri bekas jajahan British seperti negeri-negeri Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Brunei kepada satu entiti politik. Hasrat MacDonald ini direalisasikan Tunku pada 16 September 1963 dengan terbentuknya sebuah negara bangsa iaitu Persekutuan Malaysia. Dengan terbentuknya Persekutuan Malaysia, maka pembangunan politik, ekonomi dan sosial dapat ditingkatkan. Sekalipun begitu, keberadaan Singapura dalam Malaysia tidak kekal lama apabila negeri tersebut disingkirkan dari Persekutuan Malaysia dan mengekalkan negeri Sabah dan Sarawak.

Kajian Lepas

Keberadaan Singapura dalam Malaysia tidak kekal lama apabila Parlimen Malaysia yang bersidang pada 9 Ogos 1965 membuat ketetapan bahawa Singapura perlu dikeluarkan dari Malaysia. Tan menerangkan keberadaan Singapura dalam Malaysia seumpama duri dalam daging bagi Tunku kerana perbezaan dasar antara kerajaan Pusat dan Negeri.¹ Manakala Yoong, Rajandran dan Suppiramaniam yang menganalisis kandungan sukatan buku teks Sejarah Tingkatan 3 di Malaysia menjelaskan sepanjang tempoh 1963-1965, adalah tempoh paling kritikal apabila wujudnya suasana tegang antara Singapura dan Kuala Lumpur kerana sikap curiga mencurigai antara satu sama lain.² Dalam aspek komunikasi-psikologi, sikap saling tidak percaya wujud apabila terdapat pihak menyakini dirinya lebih mempunyai kredibiliti berbanding orang lain. Noor Aisyah, Che Hasniza & Aziz menyatakan kredibiliti adalah elemen penting khususnya dalam aspek kepimpinan. Tanpa kredibiliti, seorang pemimpin dilihat tidak mampu untuk mempengaruhi pengikut dan seterusnya tidak berupaya untuk memimpin.³ Hal ini terjadi apabila LKY menganggap banyak tindakan Tunku sebagai tidak praktikal terutama yang berkaitan dengan hak keistimewaan orang Melayu.

Soon dan Tan menyatakan dalam tempoh 1959-1963, ekonomi Singapura lebih kondusif berbanding Tanah Melayu kerana Singapura lebih menumpukan intensif ekonomi yang lebih dinamik iaitu tenaga buruh, aktiviti eksport dan orientasi pembuatan.⁴ Jika dibandingkan dengan ekonomi Tanah Melayu, ia masih banyak bergantung kepada produk pertanian yang bercampur baur dalam bentuk skala kecil dan besar, tradisional dan juga komersial. Tanah Melayu juga ketika itu terlalu bergantung kepada sumber hasil bumi dengan mengeksploitasi hasil kayu kayan serta aktiviti perlombongan. Sementara itu

-
- 1 Kevin YL Tan, *Singapore in the Early Years*, Monograph No 1, Centre for International Law, History & Policy: National University of Singapore, 2011, hal. 34-38
 - 2 Yoong, D., Rajandran, K. & Suppiramaniam, R.D. *Singapore in Malaysia: An Examination of Argument Structures in A Malaysian History Text Book*, *Kajian Malaysia*, Vol. 35 (2), 2017, hal. 67-85
 - 3 Noor Aisyah Abd Aziz, Che Hasniza Che Noh & Aziz Amin, *Persepsi Terhadap Kredibiliti Pemimpin dan Penentuan Dimensi Paling Dominan*, *Journal of Business and Social Development (JBSD)*, Volume 4 (2), 2016, hal. 14-24.
 - 4 Teck-Wong Soon & C. Suan Tan, *Singapore: Public Policy and Economic Development*, Washington D, C: World Bank, 1993, hal. 10.

Fletcher menjelaskan faktor Singapura disingkirkan dari Persekutuan Malaysia disebabkan permasalahan politik, ekonomi dan sosial yang melibatkan kepentingan antara Pusat dan Negeri. Antara isu yang diketengahkan ialah isu pinjaman kewangan kerajaan Persekutuan terhadap kerajaan Negeri Singapura bagi tujuan pembangunan negeri-negeri di Borneo yang tidak mendapat persetujuan Singapura. Selain itu dua insiden perkauman berlaku di Singapura pada tahun 1964 yang mengakibatkan LKY memberikan respon betapa konsep *Malaysian Malaysia* perlu dilaksanakan segera. Pertembungan prinsip nasionalis-feudalis yang dipertahan oleh pemimpin UMNO (Perikatan) manakala prinsip sosialis yang dipegang pemimpin Parti Rakyat Singapura (*Peoples Action Party/PAP*) menjadi semakin ketara terutama sepanjang kempen Pilihan Raya Umum (PRU) 1964 diadakan.⁵

Anuar dan Nur Atiqah menjelaskan pertembungan yang berlaku akhirnya mewujudkan ketegangan antara pemimpin Pusat dan Negeri.⁶ Pada hemat Tunku, hubungan antara Kuala Lumpur dan Singapura sudah tidak dapat diperbaiki lagi. Jalan penyelesaian terbaik ialah memisahkan Singapura dari Persekutuan Malaysia sekaligus menjadikan Singapura sebuah negara yang bebas dan merdeka. Oleh kerana proses mengeluarkan Singapura sangat berkait rapat dengan legitimasi perundangan, maka Tunku menggunakan institusi Parlimen bagi mengabsahkan sesuatu undang-undang. Tindakan Tunku juga sesuai kerana sewaktu pembentukan Malaysia, Parlimen meluluskan Akta Malaysia, 1963. Berdasarkan sistem perundangan di Malaysia, sebarang usul perlu dibawa ke sidang Dewan Rakyat terlebih dahulu untuk dibahas dan diluluskan sebelum dibawa ke sidang Dewan Negara dan seterusnya mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong. Peri pentingnya institusi Parlimen selaku pembuat dasar diketegahkan Nazli yang menjelaskan kerajaan Malaysia menggunakan institusi Parlimen dalam beberapa perkara penting termasuk langkah kerajaan membasmi kemiskinan. Sebarang perdebatan dalam kalangan ahli dewan, boleh melahirkan keputusan yang tepat serta dibina secara kolektif.⁷ Selain Nazli serta beberapa yang lain yang disebutkan di atas, Fiona⁸ dan Low⁹ juga mengaitkan bahawa faktor pemisahan disebabkan pertentangan idea terutama dalam elemen kesepaduan politik dan sosial dan juga isu ekonomi sekaligus “menenggelamkan” hasrat murni majoriti rakyat Malaysia yang dibina sempena pembentukan Malaysia 16 September 1963.

Demografi dan Pemerintahan Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura

Pada tahun 1957 penduduk Tanah Melayu berjumlah 6.3 juta orang. Manakala 3,126,706 adalah penduduk Melayu, 2,332,936 (Cina), 695,985 (India) dan 123,136 (orang Eropah dan

-
- 5 Fletcher, N.M. The Separation of Singapore from Malaysia, Southeast Asia Program, Department of Asian Studies Cornell University, Number 73, 1969, hal. 1-79.
 - 6 Anuar Ahmad & Nur Atiqah Tang Abdullah, Malays and Non-Malays: A Historical Overview on Ethnic Diversity and Nation Building in Malaysia, Journal of Education and Social Sciences, Vol. 8 (1), 2017, hal. 251-262.
 - 7 Nazli Aziz, Poverty Eradication: A View from the Malaysian Parliament. Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS), Vol. 1 (1), 2015, hal. 52-64.
 - 8 Fiona, U. Political Parties in Singapore, Malaysia and the Philippines: Reflection of Demoractic Tedencies, Makara, Sosial Humaniora, 2008, Vol. 12 (2), 65-71.
 - 9 Low, C.C. A Malaysia of Citizens: Ethnicity, Membership and Politics of Merger. KEMANUSIAAN Vol. 24 (2), 2017, hal. 1-30.

lain-lain). Dalam pada itu seramai 2.67 juta penduduk mendiami di kawasan perbandaran manakala 1.7 juta darinya adalah dari etnik Cina. Pada tahun 1960an populasi penduduk Tanah Melayu bertambah sebanyak 0.5 peratus iaitu kepada 6.8 juta orang. Pada tahun yang sama di Singapura, populasi penduduk adalah seramai 1,634,100 juta orang atau 17 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Tanah Melayu. Berdasarkan komposisi kaum, etnik Cina adalah majoriti iaitu seramai 1,230,700 orang manakala Melayu (227.300 orang), India dan Pakistan (137,800 orang), Eropah (12,200 orang) dan lain-lain (13,400 orang). Sementara itu ekonomi Tanah Melayu ketika itu sangat bergantung hasil pertanian serta hasil perlombongan. Eksport utama Tanah Melayu seperti getah, bijih timah, sawit, petroleum, kayu, dan bijih besi. Berbeza dengan Singapura yang bergantung kepada aktiviti dagangan. Pada tahun 1959, jumlah perdagangan di negara tersebut berjumlah \$5,826.2 juta iaitu \$3,105.6 juta adalah aktiviti import manakala \$2,720.7 juta adalah eksport.¹⁰

Dalam aspek politik dan pemerintahan, Tanah Melayu mengamalkan sistem bercorak *Westminster* yang diadun melalui demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Dalam sistem perundangan di Tanah Melayu, ia bersifat dwidewan iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara sebagai institusi tertinggi tempat menggubal serta meminda sesuatu undang-undang. Berdasarkan Perkara 159 dan 161 (E), Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menyatakan apa-apa pindaan perlembagaan perlu dilakukan melalui saluran parlimen. Justeru sebarang usul perlu dimulakan di Dewan Rakyat untuk bacaan kali pertama, bacaan kali kedua (Jawatankuasa) dan bacaan kali ketiga. Proses yang sama dilakukan di Dewan Negara dan seterusnya mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong untuk diwartakan. Di Singapura, sistem yang diamalkan juga bersifat demokrasi dengan badan perundangan bersifat tunggal.

Setelah pembentukan Malaysia pada 16 September 1963, kerusi Dewan Rakyat bertambah kepada 159 kerusi iaitu 104 kerusi di Semenanjung manakala 55 kerusi lagi iaitu Singapura (15), Sabah (16) dan Sarawak (24). Sewaktu berlangsungnya PRU 1964, hanya kerusi di Semenanjung yang dipertandingkan kerana tiga buah negeri lain telahpun mengadakan pilihan raya. Melalui PRU ini, Parti Perikatan memenangi 89 daripada 104 kerusi yang dipertandingkan manakala Barisan Sosialis (*Socialist Front/SF*) menang 2 dari 63, Parti Islam Se-Malaysia (PAS) menang 9 dari 63, Parti Demokratik Bersatu (*United Democratic Party/UDP*) menang 1 dari 27, Parti Progresif Rakyat (*Peoples Progressive Party/PPP*) menang 2 dari 9 dan Parti Tindakan Rakyat (*Peoples Action Party/PAP*) menang 1 dari 11 kerusi yang dipertandingkan. Parti Negara pula tewas kesemua kerusi dari 4 kerusi yang dipertandingkan.¹¹

Dalam pada itu PAP pimpinan Lee Kuan Yew buat pertama kali bertanding di 15 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) serta 11 kerusi Parlimen. Walau bagaimanapun PAP hanya berjaya memenangi 1 kerusi di Parlimen Bangsar dengan majoriti tipis apabila calonnya, Devan Nair mendapat 13,494 undi menewaskan V. David dari Barisan Sosialis mendapat 12,686 undi. Dalam pada itu seramai 6 calon Parlimen dan 8 calon PAP hilang wang deposit. Umumnya sambutan pengundi di Semenanjung terhadap parti PAP tidak mendapat sambutan apabila hanya berjaya meraih 18,566 ribu undi daripada 2,151,132 pengundi untuk kerusi DUN dan 42,130 daripada 2,133,272 untuk kerusi Parlimen.¹² Pembabitan PAP dalam PRU

10 Geographic Intelligence Memorandum, CCIA-RDP84-00825R000100280001-5.

11 Report on the Parliamentary (Dewan Ra'ayat) and State Legislative Assembly General Election 1964 of the States of Malaya, hal. 13 & 18.

12 Ibid. hal. 19.

1964 bagi merebut kerusi di Semenanjung adalah salah satu sebab yang membawa kepada perasaan tidak puas hati parti-parti komponen dalam Perikatan terutama UMNO dan MCA. Parti PAP juga menjalankan kempen yang agresif iaitu menyatakan berlakunya ketidakadilan secara *top-down* iaitu kerajaan Pusat tidak membantu Singapura sebaliknya kerajaan Negeri Singapura perlu membantu kerajaan pusat dengan memberikan pinjaman. Selain itu, PAP juga memainkan beberapa sentimen iaitu hak sama rata antara kaum melalui prinsip Malaysian Malaysia. Hal ini tentulah menerima reaksi sebaliknya daripada orang Melayu kerana perkara ini termaktub melalui Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan.

Perbahasan Ahli Parlimen Malaysia Berhubung Penyingkiran Singapura dari Malaysia

Tanggal 9 Ogos 1965, Singapura disingkirkan dari Persekutuan Malaysia berikutan lulusnya usul di Dewan Rakyat mengeluarkan Singapura dari Persekutuan Malaysia.¹³ Sewaktu proses pengundian dijalankan, seramai 127 Ahli Dewan Rakyat hadir untuk berbahas untuk membuat resolusi penting manakala kesemua 15 Ahli Parlimen Singapura tidak hadir.¹⁴ Sejurus dewan bersidang, Timbalan Perdana Menteri iaitu Tun Abdul Razak mengemukakan usul kepada Speaker, Chik Mohamed Yusuf Sheikh Abdul Rahman berdasarkan Peraturan Tetap (SO) 26 (1) d) iaitu “usul hendak mengambil apa-apa perkara dahulu daripada perkara lain dengan tidak mengikut susunan biasa” untuk mengeluarkan Singapura daripada Persekutuan Malaysia.¹⁵ Pada hemat Tun Razak, berdasarkan kes-kes tertentu terutama yang berkaitan dengan kepentingan umum ianya boleh disegerakan.¹⁶ Usul ini disokong Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tun Dr. Ismail dan berpandangan ia perlu disegerakan. Justeru bagi bacaan kali pertama (usul), Tunku menyatakan;

“Semenjak pembentukan Malaysia, terdapat banyak perbezaan pandangan antara kerajaan Pusat dengan kerajaan Singapura yang mustahil untuk dicari jalan penyelesaian. Sekalipun saya mencuba sedaya upaya untuk mengelakkan perpisahan akhirnya saya mendapati hanya terdapat dua opsyen yang perlu diikuti. Pertama mengambil tindakan terhadap pemimpin Singapura di atas tingkah laku mereka yang tidak sejajar dengan amalan konsep Persekutuan. Kedua, meneruskan hubungan yang tidak baik antara kedua-dua pihak yang mana Singapura tidak menghormati kerajaan Persekutuan...”¹⁷

Setelah Tunku selesai membentangkan bacaan kali pertama, Speaker menggunakan *Standing Order* (S.O.) 48, memerintahkan supaya rang undang-undang (RUU) dibacakan bagi kali kedua dan peringkat jawatankuasa. Dalam pada itu Lim Chong Eu (Tanjong)¹⁸

13 *The Straits Times*, 10 Ogos 1965, hal.1.

14 Menteri Kabinet Singapura sedia maklum mengenai cadangan Tunku untuk menyingkirkan Singapura dari Malaysia. Manakala dalam kalangan Ahli Parlimen parti Perikatan juga mengetahui tetapi bukan secara rasmi. Mereka hanya dimaklumkan secara rasmi pada jam 9.40 pagi iaitu lima minit sebelum Rang Undang-Undang (RUU) Pindaan Singapura 1965 dibentang. *The Straits Times* 10 Ogos 1965, hal. 1.

15 *The Official Report on Dewan Rakyat Debates*, 9 Ogos 1965, hal. 1459.

16 Boleh dirujuk melalui Perkara 18, dalam Buku Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Putrajaya: Parlimen Malaysia, 2018, hal. 38

17 *The Straits Times*, 10 Ogos 1965, hal.1 & 10; *The Official Report on Dewan Rakyat Debates* 9 Ogos 1965, hal. 1459-1469.Ogos1964, hal. 1.

bangun mohon penjelasan adakah usul ini perlu disegerakan sehingga tidak melalui proses sebagaimana kebiasaannya. Ong Kee Hui (Sarawak)¹⁹ sependapat dengan Chong Eu serta tidak bersetuju kerana tempoh masa membahaskan RUU sangat singkat sedangkan pindaan melibatkan suatu perkara yang penting. Speaker walau bagaimanapun berdasarkan S.O. 48, RUU (Singapura Pindaan), 1965 menyatakan usul perlu diteruskan kerana melibatkan kepentingan umum.²⁰

Tunku sewaktu bacaan kali kedua menjelaskan Lampiran B, Perlembagaan memberikan kuasa kepada Parlimen untuk meminda Akta Malaysia, 1963 kecuali Fasal 8 dan 13 yang berkaitan dengan fungsi Mahkamah Singapura manakala Fasal 13 menjelaskan mengenai perjanjian antarabangsa antara Singapura dan British bertarikh 12 Oktober 1957. Tan Siew Sin selaku Menteri kewangan menyokong usul yang dikemukakan Tunku dengan menegaskan rakyat tidak perlu bimbang terhadap pemisahan ini kerana yang lebih penting ketegangan kaum antara Cina dan Melayu dapat dihindari.²¹

-
- 18 Beliau adalah bekas pemimpin *The Malayan Chinese Association* (MCA) yang kemudian mengasas *United Democratic Party* (UDP) pada tahun 1962 ekoran konflik dalam MCA. Pada tahun 1968 beliau menubuhkan Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan). Sewaktu memimpin UDP, beliau bersama-sama dengan Lee Kuan Yew menubuhkan *The Malaysian Solidarity Councils* (MSCs) untuk menentang perkara 153, Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang memberikan keistimewaan terhadap orang Melayu serta peribumi di Semenanjung dan Sabah Sarawak. Beliau juga bersama Lee mengadakan *Solidarity Convention* di Pulau Pinang pada Ogos 1965 Dalam PRU 1969, parti Gerakan memenangi cukup majoriti kerusi dalam DUN Pulau Pinang untuk membentuk kerajaan dan membolehkan beliau dilantik sebagai Ketua Menteri. Pada tahun 1972, Gerakan menyertai BN di blok kerajaan bersama-sama parti pembangkang lain seperti PAS dan PPP. *The Straits Times* 28 Julai 1965, hal.7.
- 19 Beliau adalah pemimpin parti *Sarawak United People's Party* (SUPP) yang menyokong penubuhan Malaysia. SUPP ditubuhkan pada tahun 1959 yang didominasi orang Cina serta sebahagian penduduk Iban. *The Straits Times* 9 Julai 1965, hal. 5.
- 20 *The Official Report on Dewan Rakyat Debates*, 9 Ogos 1965, hal. 1469-1470.
- 21 Rusuhan kaum di Singapura merujuk kepada dua peristiwa penting yang melibatkan orang Melayu dan Cina yang berlaku pada Julai dan September 1964. Apabila Singapura memasuki Malaysia, Orang Melayu Singapura merasakan bahawa mereka berhak mendapat taraf hak istimewa Orang Melayu sebagaimana terkandung dalam Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan 1957. Sedangkan bagi kerajaan Singapura, perkara ini tidak boleh diprakui kerana tidak terkandung dalam dokumen perjanjian sewaktu menyertai Malaysia. Justeru pada 19 Julai 1964 sekitar 1,000 orang penduduk Melayu yang terdiri daripada 101 pertubuhan bukan kerajaan telah menemui Lee Kuan Yew selaku Perdana Menteri Singapura dan Othman Wok, Menteri Perhubungan Sosial untuk mendapatkan penjelasan berhubung perkara tersebut. Dalam pertemuan, Lee berjanji akan membuat perubahan termasuk memberi peluang kepada orang Melayu ke jawatan kerajaan tanpa pertandingan sengit dengan kaum bukan Melayu. Sekalipun begitu kerajaan tidak menerima cadangan berkaitan hak istimewa Orang Melayu seperti tanah rizab Melayu, pemberian lesen serta kouta bagi pekerjaan. Lee menegaskan bahawa semua penduduk Singapura mempunyai hak sama rata dan bukannya berdasarkan kaum. Pada 20 Julai, seramai 23 ahli UMNO Singapura yang dipimpin Senator Ahmad Haji Taff mendakwa kenyataan Lee Kuan Yew yang tidak mengiktiraf Perkara 153 sebagai menghina orang Melayu. Pada 21 Julai 1964, seramai 25,000 orang penduduk Islam mengadakan perarakan sempena Maulidul-rasul telah bertembung dengan penduduk Cina. Dalam kejadian ini menyebabkan 22 orang penduduk telah terkorban manakala 454 lain telah cedera. Perintah berkurung dilaksanakan dan tamat pada 2 Ogos 1964. Fasa kedua pula berlaku pada 2 September apabila seorang pengasuh beca Melayu ditemui terbunuh di Geylang Serai. Hal ini menyebabkan sekali lagi berlaku rusuhan kaum yang mengorbankan 12 penduduk, 109 cedera dan lebih 1,200 orang ditangkap. Perintah berkurung tamat pada 11 September. *The Straits Times*, 23 Julai 1964, hal. 1, *The Straits Times*, 4 Ogos 1964, hal. 1.

Dalam pada itu Devan Nair (Bangsar)²² iaitu satu-satunya wakil PAP²³ menyifatkan pemisahan ini sebagai sesuatu yang tragis kerana berlaku hanya dua tahun selepas kelahiran Malaysia. Beliau menyatakan permasalahan yang berlaku bukan berpunca dari Singapura tetapi kerana dasar perkauman yang diamalkan kerajaan Malaysia. Senu Abdul Rahman walau bagaimanapun tidak bersetuju dengan pandangan Nair dengan mengatakan hasrat pemisahan bukan semata-mata datang dari Tunku tetapi juga daripada Singapura kerana pemimpin Singapura pernah menandatangani dokumen pemisahan sebelum itu. Syed Ja'afar Hasan Albar (Johor Tenggara) sewaktu bangun mencelah menegaskan usul ini sangat tepat pada masa memandangkan pemimpin Singapura mempunyai kehendak yang berbeza dengan semangat Persekutuan.²⁴ Wakil Bukit Bintang iaitu Tan Toh Hong bangun menyokong padangan Senu serta menyalahkan Lee terhadap apa yang berlaku. Ini kerana Radio Singapura serta wartawan luar negara telahpun menerima maklumat dari Pejabat Kebudayaan Singapura yang melaporkan Lee menandatangani dokumen pemisahan. Nair walau bagaimanapun menafikan perkara tersebut dengan menganggap sebagai propaganda serta menyalahkan kerajaan Pusat.²⁵

Mohamed Asri Haji Muda selaku wakil Pasir Puteh (PAS)²⁶ turut bersetuju dengan usul yang dikemukakan Tunku tetapi sedikit kecewa apabila kerajaan Perikatan tidak menerima sikap PAS sebelum itu yang tidak bersetuju penggabungan dengan Singapura. Pada Asri, kemasukan Singapura dan Tanah Melayu sukar diserasikan kerana ideologi Sosialis PAP tidak dapat diterima oleh majoriti penduduk Melayu-Islam yang mendiami Persekutuan. Menurut Asri, Almarhum Zulkiflee Muhammad yang mewakili Parlimen Bachok yang juga Timbalan Yang Dipertua PAS sewaktu berucap dalam dewan sebelum ini menolak pembentukan Malaysia terutama dengan penyertaan Singapura. Dr. Seenivasagam (Ipoh)²⁷ turut memberikan ulasan menyifatkan konsep Persekutuan Malaysia sebagai tidak berfungsi dengan baik semenjak dari awal. Singapura adalah sebuah kerajaan yang tidak mengamalkan politik perkauman bahkan Kuala Lumpur pula mempertahankan prinsip hal istimewa orang Melayu. Lagipun isu perkauman seringkali dibangkitkan dalam dewan ini sebelum Singapura menyertai Malaysia. Bagi Lim Chong Eu (Tanjong) yang sependapat dengan Seenivasagam menyatakan tindakan meminda Perlembagaan Persekutuan secara tergesa-gesa adalah tidak boleh diterima kerana melanggar prinsip demokrasi tulen. Lim juga kecewa terhadap sikap talam dua muka sesetengah Ahli Dewan yang pada awalnya bersungguh-sungguh

-
- 22 Satu-satunya calon PAP yang menang dalam PRU 1964 bagi kerusi Bangsar dengan majoriti 808 undi tiga pencabar dari Sosialis Front, Perikatan dan PPP. *Report on the Parliamentary (Dewan Ra'ayat) and State Legislative Assembly General Election 1964*, hal. 151; *The Official Report on Dewan Rakyat Debates*, 9 Ogos 1965, hal. 1473.
- 23 *People's Action Party* (PAP) ditubuhkan pada tahun 1954 yang asalnya adalah pertubuhan pekerja. Memenangi kerusi terbanyak melalui Pilihan raya Perbandaran 1958 dan memenangi tiga kerusi *Legislative Assembly* pada tahun 1955. Dalam PRU 1959, PAP memenangi 43 dari 51 kerusi yang dipertandingkan. Ong Chit Chung, *The 1959 Singapore General Election*, *Journal of Southeast Asian Studies*, Volume 6, Issue 1, 1975, hal. 81.
- 24 Dr Toh Chin Chye adalah Timbalan Perdana Menteri Singapura dan Pengerusi PAP. Menggerakkan perwakilan termasuklah PAP, UDP, PPP, SUPP and Parti Machida membentuk MSCs dan mengadakan perhimpunan di Sabah dan Sarawak. *Berita Harian*, 9 Jun 1965, hal. 6.
- 25 *The Official Report on Dewan Rakyat Debates*, 9 Ogos 1965, hal. 1481.
- 26 PAS semenjak awal tidak bersetuju dari awal pembentukan Malaysia tetapi kemudian bersetuju setelah menimbang beberapa perkara terutama berkaitan kepentingan nasional. *The Official Report on Dewan Rakyat Debates*, 9 Ogos 1965, hal. 1482.
- 27 Beliau adalah pengasas *the People's Progressive Party* (PPP), sebagai parti blok pembangkang ketika itu.

mempertahankan keberadaan Singapura dalam Malaysia tetapi sebaliknya berubah kepada bersetuju terhadap usul mengeluarkan Singapura dari Malaysia. Kenyataan Limurut disokong Ong Kee Hui (Sarawak) yang menyatakan RUU perlu diteliti terlebih dahulu. Dalam pada itu notis terhadap pindaan Perlembagaan Persekutuan sangat singkat serta tidak memberi masa yang sesuai untuk ADR meneliti terlebih dahulu. Selain ahli Parlimen, rakyat juga diperlu diberi peluang untuk mengemukakan pandangan terhadap sebarang tindakan kerajaan kerana kemasukan Singapura, Sabah dan Sarawak turut melibatkan hasrat majoriti penduduk. Tan Siew Sin, Megat Khas (Kuala Kangsar), Tun Razak dan Sambanthan walau bagaimanapun tidak bersetuju dengan pandangan Kee Hui serta beberapa yang lain yang menegaskan usul tersebut perlu disegerakan.²⁸

Bagi Abu Bakar Hamzah wakil Bachok (PAS)²⁹ sekalipun Singapura dikeluarkan dari Persekutuan Malaysia, beliau berharap Sabah dan Sarawak masih tetap utuh bersama Malaysia. Menteri Hal Ehwal Sarawak (Temenggong Jugah Anak Barieng) bangun memberikan respon dengan menyatakan Sarawak dan Sabah tetap kekal dalam Persekutuan Malaysia. Abu Bakar kemudian mengambil contoh mengenai hubungan antara Kuala Lumpur-Singapura, beliau berharap kerajaan Persekutuan memberikan perhatian kepada Kelantan sekalipun berada di bawah pembangkang (PAS) kerana negeri itu juga sebahagian dari Persekutuan.³⁰

Tun Razak kemudian mengucapkan penghargaan kepada semua pihak termasuk pembangkang kerana menyokong RUU (Singapura) Pindaan 1965. Beliau turut berterima kasih kerana wakil Sabah dan Sarawak menyokong usul serta mempertahankan prinsip Malaysia. Dalam jawapan kepada wakil Bangsar, Tun Razak menyatakan wakil tersebut berpura-pura terkejut kerana Menteri Kabinet Singapura telahpun menandatangani perjanjian pemisahan dan mustahil beliau tidak mengetahui. Bahkan ketidakhadiran wakil Singapura adalah petunjuk bahawa wakil Singapura bersetuju terhadap usul yang dikemukakan. Bagi wakil Sarawak yang mempersoalkan kewajaran pemisahan Singapura perlu melihat kepada prinsip awal penubuhan Malaysia iaitu semua pihak secara bersama bersetuju terhadap dokumen yang terkandung dalam Perjanjian Malaysia. Oleh kerana sebarang pindaan perlu mematuhi peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan maka pihak kerajaan mengemukakan RUU tersebut untuk dibahaskan. Kerajaan Pusat tidak ada jalan lain bagi memberikan keselesaan kepada rakyat Malaysia dan Singapura melainkan dengan pemisahan.³¹ Selaras dengan prinsip demokrasi, Perlembagaan Persekutuan serta Peraturan Mesyuarat Dewan, Speaker memohon supaya diadakan undian dalam kalangan Ahli Dewan iaitu sesiapa yang bersetuju atau sebaliknya. Setelah undian bagi bacaan kali ketiga diadakan maka 126 bersetuju manakala seorang wakil dari Sarawak iaitu Tama Weng Tinggang Wan mengambil sikap berkecuali.³²

28 The Official Report on Dewan Rakyat Debates, 9 Ogos 1965, hal. 1470.

29 Abu Bakar Hamzah dipilih sebagai wakil rakyat PAS mewakili Parlimen Bachok setelah menang dalam pilihan raya kecil yang diadakan pada 27 Jun 1964 ekoran kematian mengejut Timbalan Yang Dipertua PAS Pusat iaitu Zulkiflee Muhammad dalam kemalangan jalan raya di jalan Gambang, Kuantan pada 6 Mei 1964. Zulkiflee dalam perjalanan dari Bachok, Kelantan ke Kuala Lumpur seterusnya ke kampung halaman di Kuala Kangsar, Perak. *The Straits Times*, 3 Jun 1964, hal. 24.

30 *The Official Report on Dewan Rakyat Debates*, 9 Ogos 1965, hal. 1511-1515.

31 Berita Harian, 9 Jun 1966, hal. 4.

32 *The Official Report on Dewan Rakyat Debates*, 9 Ogos 1965, hal. 1521.

Sekalipun kedua-dua wilayah iaitu Malaysia dan Singapura mempunyai banyak persamaan dari aspek sejarah, geografi dan kebudayaan namun segala keputusan dan dasar negara tersebut banyak bergantung kepada siapa yang menjadi pemerintah. Di Kuala Lumpur (Malaysia) parti pemerintah adalah UMNO iaitu parti yang dikuasai orang Melayu manakala di Singapura parti pemerintah ialah PAP yang didominasi kaum Cina. Dalam pada itu pertentangan antara ideologi feudal-Melayu dengan sosialis-Cina menyebabkan kesepakatan antara kedua pihak sukar dicapai. Perkara ini boleh dilihat kepada intipati perbahasan di atas.

Dewan Negara Menyokong Usul

Ahli Dewan Negara yang bersidang pada jam 2.30 petang pada hari yang sama persidangan Dewan Rakyat iaitu tanggal 9 Ogos 1965, dipengerusikan Abdul Rahman Mohamed Yasin selaku Yang Dipertua Dewan Negara. Setelah berlangsungnya persidangan, Yang Dipertua Dewan membaca nota dari Yang Dipertua Dewan Rakyat yang berbunyi “Mr. Presiden, Dewan Rakyat telahpun meluluskan RUU untuk meminda Perlembagaan Malaysia berkaitan Singapura (Pindaan 1965) dan Akta Malaysia 1963”. Nota ditandatangani Speaker Dewan Rakyat untuk tindakan Dewan Negara. T.H. Tan kemudian bangun memohon supaya notis tersebut dibahas dan diluluskan pada sidang seterusnya iaitu pada 16 Ogos 1965. Y.T. Lee menyokong cadangan supaya usul dibawa pada sidang seterusnya.³³

Dalam sidang yang berlangsung pada 16 Ogos, T.H. Tan memohon Yang Dipertua Dewan untuk membenarkan Akta Malaysia 1963 dan Pindaan Singapura, 1965 dibaca dan dibahas. Y.T. Lee bangun menyokong usul yang dikemukakan T.H. Tan. Tun Razak yang turut hadir di atas kapasiti sebagai Menteri bangun berucap dengan menyatakan sebab utama Singapura dikeluarkan dari Persekutuan Malaysia kerana pemimpin negara tersebut khususnya dari PAP tidak menghormati Akta Malaysia, 1963 serta Perlembagaan yang memberikan hak istimewa terhadap orang Melayu, orang Asli serta peribumi Sabah dan Sarawak. Selain itu media antarabangsa membuat laporan bahawa Singapura beradang untuk keluar dari Persekutuan kerana keberadaan dalam Malaysia tidak menguntungkan mereka. Keadaan menjadi lebih sukar apabila ramai wartawan luar negara mempercayai bahawa Malaysia tidak berlaku adil kepada penduduk Cina yang berada Singapura. Justeru kerana tidak ada kaedah lain untuk menyelamatkan Malaysia supaya terus kekal yang aman, bebas dan berdaulat maka Singapura perlu dikeluarkan dari Malaysia. Sekalipun begitu, hubungan Kuala Lumpur-Singapura tetap berjalan seperti biasa terutama dalam aspek kerjasama pertahanan.³⁴

Salah seorang Ahli Dewan Negara daripada parti PAS Kelantan iaitu Amaluddin Darus menegaskan usul memisahkan Singapura dari Malaysia boleh diterima kerana pihaknya semenjak dari awal tidak bersetuju dengan kemasukan Singapura dalam Malaysia. Pada Amaluddin, mengeluarkan Singapura dari Persekutuan mampu mengurangkan beban yang selama ini ditanggung Kuala Lumpur. Beliau juga mengalu-alukan langkah kerajaan memberi peluang kepada penduduk Singapura khususnya orang Melayu yang berhasrat berpindah

33 *The Official Report of Malaysia Dewan Negara Debates*, 9 Ogos 1965, hal. 617.

34 *The Official Report of Malaysia Dewan Negara Debates*, 16 Ogos 1965, hal. 618-624.

ke Johor. Dalam pada itu Ahmad Haji Taff,³⁵ satu-satunya wakil UMNO Singapura turut mengambil bahagian dalam perbahasan dengan menyatakan;

“...bahawa Malaysia mempunyai masa depan yang lebih cerah memandangkan Singapura terdedah kepada amalan *chauvinist*. Tindakan Kuala Lumpur memisahkan Singapura dari Malaysia bukan bertujuan untuk mengekalkan kuasa tetapi untuk mengekalkan perpaduan dalam kalangan penduduk...”³⁶

T.H. Tan menegaskan sikap Lee yang mahu menjadi Timbalan Perdana Malaysia adalah salah satu sebab mengapa Singapura dikeluarkan. LKY berusaha meraih sokongan dengan mengadakan Konvensyen Solidariti Malaysia dengan slogan *Malaysian Malaysia*.³⁷ Manakala semenjak kelahiran Malaysia kerajaan Singapura tidak pernah menunjukkan sikap patriotik sebagai rakyat yang mempunyai jiwa raga Malaysia. Singapura juga kurang memberikan sokongan moral dan kewangan kepada kerajaan Pusat sewaktu tercetusnya konfrantasi antara Malaysia dan Indonesia. Dalam pada itu Saidon Kechut dan Athi Nahappan menyatakan masalah utama yang berlaku di Singapura ialah parti pemerintah mempunyai falsafah politik mereka sendiri. Sekalipun menyertai Malaysia, sikap dan pandangan politik khususnya PAP tidak berubah. Mereka sepatutnya lebih mengutamakan kepentingan nasional supaya wujud kebersamaan dari aspek jati diri bangsa Malaysia. Sebaliknya dasar Persekutuan dalam aspek etnik, agama, bahasa linguistik dianggap sebagai intimidasi kerajaan Persekutuan ke atas Singapura. Selain nama-nama di atas, Cheah Toon Lok, S.O.K. Ubaidulla, Pengiran Mohamad Digadong Galpam dan Da Abdul Jalil Haji Awang bersetuju dengan RUU

35 Beliau adalah pemimpin UMNO Singapura. Pernah memimpin Pertubuhan Kebangsaan Melayu Singapura (PKMS) yang mana pertubuhan ini adalah cawangan kepada UMNO melalui Kesatuan Melayu Singapura. UMNO Singapura bertanding dalam pilihan raya DUN pada 1955 dan 1959 dan menjadi sebahagian daripada gabungan Perikatan Singapura dan memenangi kawasan majoriti Melayu di selatan Singapura seperti Ulu Bedok, Tanglin, Geylang Serai and Kampung Kembangan. UMNO Singapura dirombak dan didaftarkan di bawah Ordinan Pertubuhan Singapura pada 20 Februari 1961 serta menggunakan perlembagaan UMNO sebagai perlembagaan parti. Berikutan pemisahan pada tahun 1965, parti kemudian dijenamakan kepada Pertubuhan Kebangsaan Melayu Singapura (PKMS) manakala pada 1967 UMNO Singapura ditekankan kerana masih mempunyai hubungan dengan UMNO Malaysia. *Berita Harian*, 14 November 1965, hal. 10; 9 Mei 1966, hal. 5; 25 Oktober 1966, hal. 3; 2 Oktober 1966, hal. 1.

36 *The Official Report of Malaysia Dewan Negara Debates*, 16 Ogos 1965, hal. 627-632.

37 *The Malaysian Solidarity Convention* (MSC) berjaya menghimpunkan lima parti politik di Sri Temasek pada 9 Mei 1965 yang berusaha menghapuskan beberapa elemen yang disifatkan sebagai perkaauman dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Parti terbabit ialah PAP, UDP dan PPP dari Semenanjung manakala SUPP dan Parti Machinda dari Sarawak. Delegasi PAP diwakili Pengerusi Parti, Toh Chin Chye, Menteri Undang-Undang E. W. Baker, Menteri Perhubungan Sosial, Othman Wok, Menteri Pelajaran, Ong Pang Boon dan Setiausaha Politik kepada LKY, K.C. Lee. Bagi mengenengahkan idea serta mencapai matlamat yang diinginkan, maka konsep “*Malaysian Malaysia*” diperkenalkan MSC. Melalui konsep ini, semua penduduk Malaysia diberikan hak sama rata tanpa mengira keistimewaan kaum tertentu termasuk orang Melayu dan peribumi Sabah dan Sarawak. Tindakan jawatankuasa MSC ini tentunya mengundang rasa yang kurang senang orang Melayu sama ada di Kuala Lumpur dan juga di Singapura. LKY kemudian sekali lagi menyebut idea ini melalui sidang Parlimen pada 25 Mei 1965 yang menimbulkan rasa kurang senang kerajaan Pusat yang dipimpin UMNO serta menyifatkan PAP sebagai parti *chauvinists* Cina. Tidak cukup dengan itu pada 6 Jun 1965, LKY mengadakan perhimpunan di *National Theatre* bagi menerangkan konsep *Malaysian Malaysia*. Lihat Teks ucapan LKY dalam perhimpunan “*The Malaysian Solidarity Convention di National Theatre*” pada 6 Jun 1965. <https://www.nas.gov.sg/archivesonline/data/pdfdoc/lky19650606.pdf>.

mengeluarkan Singapura dengan menyatakan ia sebagai kena pada tempat. T.H. Tan kemudian merujuk S.O. 11 serta Seksyen 74, Akta Malaysia, memohon supaya Dewan Negara tidak menengahkan usul kecuali sehingga perkara ini diselesaikan. Bagi mengesahkan legitimasi RUU, maka undian dijalankan. Berdasarkan keputusan undian, didapati 45 ahli menyokong serta tiada seorang pun ahli yang menentang. Justeru RUU (Pindaan Singapura), 1965 dibawa ke Jawatankuasa Dewan. T.H. Tan kemudian memohon RUU dibawa ke peringkat seterusnya untuk bacaan kali ketiga dan diluluskan.³⁸

Berdasarkan perbincangan yang berlaku di Dewan Rakyat dan di Dewan Negara, dapat dirumuskan bahawa pertembungan idea antara Kerajaan Pusat (Kuala Lumpur) dan Kerajaan Negeri (Singapura) yang membawa kepada penyingkiran Singapura dirumuskan melalui Rajah 1 di bawah;

Rajah 1: Pertembungan Idea Antara Kerajaan Pusat (Kuala Lumpur) Dan Kerajaan Negeri (Singapura) Sepanjang Keberadaan Dalam Persekutuan Malaysia

Tema	Kuala Lumpur	Singapura
Tokoh	Tunku Abdul Rahman- Arsitokrat Melayu- Putera Sultan Kedah-berpendidikan Barat	Lee Kuan Yew- anak usahawan Singapura-berpendidikan Barat
Parti Politik	Perikatan-dominasi UMNO-Melayu	PAP-dominasi Cina
Pilihan Raya	Menguasai Semenanjung	Menguasai Singapura
Ideologi	Feudal Melayu	Sosialis
Ekonomi	Pertanian dan perlombongan	Dagangan/ komersial
Kuasa	Pemerintah Tanah Melayu 1955-1963	Pemerintah Singapura 1959-1963
Hubungan luar	Pro Barat (Demokrasi)	Pro Barat (Demokrasi)
Isu	i. Mengamalkan Communal politics. ii. Perkara 153- hak istimewa orang Melayu- dipertahankan iii. Terikat kepada Akta Malaysia, 1963 dan Perlembagaan Persekutuan-Hak Negeri kepada Pusat?	i. Chauvinist ii. Hak istimewa Melayu Singapura manakala bukan Melayu Malaysian Malaysia iii. Hak Pusat kepada Negeri

Sumber: *The Official Report of the Malaysian Dewan Rakyat Debates*, 9 Ogos 1965; *The Official Report of the Malaysian Dewan Negara Debates*, 16 Ogos 1965.

Berdasarkan Rajah 1 di atas di dapati kedua-dua pihak iaitu Kuala Lumpur dan Singapura menghadapi konflik kepentingan. Dengan penyertaan Singapura ke dalam Malaysia, Tunku berharap aktiviti ekonomi di pelabuhan Singapura boleh membantu Kerajaan Pusat dalam melonjakkan ekonomi negara sejajar dengan Perjanjian Malaysia iaitu Singapura perlu membantu kerajaan Pusat selama tempoh lima tahun dengan memberikan pinjaman tanpa faedah berjumlah \$150 juta yang digunakan untuk pembangunan Sabah dan Sarawak.

38 *The Official Report of Malaysia Dewan Negara Debates*, 16 Ogos 1965, hal. 649-650.

39 Rizal Yaakop, *The British Legacy and the Development of Politics in Malaya*. Global Journal of Human Social Science (D), Volume XIV Issue I, 2014. hal. 55

40 Slater, Dan, *Southeast Asia: Strong-state Democratization in Malaysia and Singapore*, Journal of Democracy, Volume 23 (2), 2012. hal.19.

Singapura walau bagaimanapun bukan sahaja menolak, bahkan mempertikaikan jumlah faedah yang perlu dibayar serta enggan mempercayai Bank Negara untuk menentukan kadar pasaran semasa bagi pinjaman jangka panjang serta lebih mempercayai Bank Dunia. Tunku pernah berusaha untuk mengadakan rundingan tetapi Singapura tidak menyetujuinya.

Tunku juga risau ideologi sosialis yang menjadi ideologi kerajaan Singapura merebak ke Semenanjung. Dalam PRU 1964, PAP bertanding di beberapa kawasan tetapi tidak menang. Bagi LKY, penyertaan Singapura dalam Malaysia membolehkan parti PAP mendapatkan impak penguasaan politik yang lebih luas iaitu ke Semenanjung, Sabah dan Sarawak. LKY juga menubuhkan *Malaysian Solidarity Council* yang memperjuangkan konsep *Malaysian Malaysia* sebagai jawapan kepada Orang Melayu di Semenanjung dan di Singapura yang memperjuangkan hak istimewa Orang Melayu dan Bumiputera. Prinsip yang dipegang Singapura adalah sejajar dengan ideologi politik PAP yang beraliran sosialis ultras yang anti feudal dengan memperjuangkan prinsip *Malaysian Malaysia*. Hal ini tentunya tidak dapat diterima oleh Kuala Lumpur yang masih utuh dengan mempertahankan konsep nasionalis-feudalis.

Bahkan majoriti pelajar Malaysia di luar negara telahpun terpengaruh dengan kempen yang dijalankan pemimpin Singapura dengan menyatakan bahawa kerajaan Pusat tidak berlaku adil serta hanya membantu kaum tertentu sahaja. Kenyataan negatif terhadap Kuala Lumpur dikeluarkan melalui peranti VHF, T.V., Radio dan akhbar. Beberapa wartawan luar negara juga turut terpengaruh mengemukakan soalan kepada Tunku berkaitan diskriminasi kerajaan terhadap kaum bukan Melayu dalam banyak perkara. Dalam pada itu terdapat sesetengah akhbar di Singapura memberikan gambaran salah terhadap sistem pemerintahan kerajaan Persekutuan. Sebuah majalah yang diterbitkan di Singapura iaitu *Mirror Malaysia* memberikan pandangan bersifat skeptikal, prejudis serta kandungan tidak tepat terhadap Malaysia. Tidak cukup dengan itu sebuah majalah rasmi Parti PETIR (PAP) bertajuk *Lightning* mengandungi kenyataan yang bersifat berat sebelah terhadap Persekutuan Malaysia. Proses penempatan semula penduduk Cina di Sarawak dimanipulasi oleh kumpulan ini dengan memberikan persepsi negatif kepada kerajaan Pusat.

Justeru berdasarkan sebab-sebab di atas, Tunku membuat keputusan penting untuk keselesaan penduduk sama ada penduduk Singapura atau yang menetap di negeri-negeri lain dalam Malaysia. Kenyataan di atas bertepatan dengan tulisan Rizal³⁹ dan Slater⁴⁰ yang juga mengaitkan konflik kepentingan sebagai punca utama penyingkiran Singapura dari Persekutuan Malaysia.

Penutup

Sekalipun keberadaan Singapura dalam Persekutuan Malaysia hampir dua tahun iaitu 16 September 1963 hingga 9 Ogos 1965 namun tempoh ini sangat mencabar bagi Tunku kerana permasalahan yang wujud dengan kerajaan Negeri Singapura yang dipimpin LKY. Pada

39 Rizal Yaakop, *The British Legacy and the Development of Politics in Malaya*. Global Journal of Human Social Science (D), Volume XIV Issue 1, 2014. hal. 55

40 Slater, Dan, *Southeast Asia: Strong-state Democratization in Malaysia and Singapore*, Journal of Democracy, Volume 23 (2), 2012. hal.19.

Tunku, LKY seringkali membelakangkan kerajaan Pusat dalam membuat tindakan politik, ekonomi dan sosial. Bahkan kemasukan Singapura ke dalam Malaysia tidak memberikan manfaat kepada kerajaan Pusat, Orang Melayu, kestabilan politik dan pembangunan ekonomi maka Kuala Lumpur mengambil tindakan *affirmative* iaitu mengeluarkan Singapura dari Malaysia. Sebagai mengesahkan legitimasi undang-undang, maka Akta Malaysia 1963 perlu dipinda. Justeru melalui perbahasan sama ada di Dewan Rakyat dan Dewan Negara, bersetuju mengeluarkan Singapura dari Persekutuan Malaysia berkuatkuasa 9 Ogos 1965.

Bibliografi

- Anuar Ahmad & Nur Atiqah Tang Abdullah, Malays and Non-Malays: A Historical Overview on Ethnic Diversity and Nation Building in Malaysia, *Journal of Education and Social Sciences*, Vol. 8 (1), 2017, 251-262.
- Berita Harian, "Chawangan Baru Berita Harian" 14 November 1965 [Microfilm Reel NL4325] Newspaper SG Online
- Berita Harian, "Shor nama dan lambang UMNO S'pura di-tukar Shor tukar nama UMNO" 2 October 1966 [Microfilm Reel NL4881]. Newspaper SG Online
- Berita Harian, "Batu 13 ¼ Sembawang SIDANG Agung Chabang UMNO" 25 Oktober 1966 [Microfilm Reel NL4849]. Newspaper SG Online
- Berita Harian, "MSC", 9 Jun 1965, Newspaper SG Online
- Berita Harian, "MSC akan di-bubarkan?" 9 Jun 1966 [Microfilm Reel NL4471]. Newspaper SG Online
- Berita Harian, "No 444-A, Batu 13 ¼ Sembawang SIDANG AGONG Chabang UMNO". 9 Mei 1966. Newspaper SG Online
- Buku Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Putrajaya: Parlimen Malaysia, 2018
- Chung, Ong Chit, The 1959 Singapore General Election, *Journal of Southeast Asian Studies*, Volume 6, Issue 1, 1975.
- Fionna, U. Political Parties in Singapore, Malaysia and the Philippines: Reflection of Demoractic Tedencies, *Makara, Sosial Humaniora*, 2008, Vol. 12 (2), 65-71.
- Fletcher, N.M. The Separation of Singapore from Malaysia, *Southeast Asia Program*, Department of Asian Studies Cornell University, Number 73, 1969, 1-79.
- Geographic Intelligence Memorandum, CIA/RR GM 62-2, Malaysia, published by Central Intelligence Agency Office of Research and Reports [Approved for released 2003/08/19/ CCIA-RDP84-00825R000100280001-5].
- Kevin YL Tan, Singapore in the Early Years, Monograph No 1, Centre for International Law, History & Policy: National University of Singapore, 2011, 34-38
- Low, C.C. A Malaysia of Citizens: Ethnicity, Membership and Politics of Merger. *KEMANUSIAAN* Vol. 24 (2), 2017, 1–30.
- Malaysian Constitution Book 2012, Kuala Lumpur: International Law Book Service.
- Nazli Aziz, Poverty Eradication: A View from the Malaysian Parliament. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*, Vol. 1 (1), 2015, 52-64.
- Noor Aisyah Abd Aziz, Che Hasniza Che Noh & Aziz Amin, Persepsi Terhadap Kredibiliti Pemimpin dan Penentuan Dimensi Paling Dominan, *Journal of Business and Social Development (JBSD)*, Volume 4 (2), 2016, 14-24.

- Official Report on the Malaysia Second Dewan Negara (Senate), Vol. II, Second Session of the Second Dewan Negara No. 5. 9 August 1965.
- Official Report on the Parliamentary (Dewan Ra'ayat) and the State Legislative Assembly General Election 1964, of the States of Malaya, Prepared by the Election Commission, 1965, the Election Commission, Kuala Lumpur.
- Official Report on the Parliamentary Debates Dewan Ra'ayat (House of Representatives) Official Report Second-Session of the Second Dewan Ra'ayat Volume II No. 8 Monday 9 August 1965.
- Official Report Parliamentary Debates Dewan Negara (Senate) Official Report (Second Session of the Second Dewan Negara) Volume II No. 6 Monday 16 August 1965. The Malaysia Act (Amendment) Bill [Col. 690].
- Soon, Teck-Wong & Tan, C. Suan Singapore: Public Policy and Economic Development, Washington D, C: World Bank, 1993.
- Text of Mr. Lee Kuan Yew's Speech at the Malaysian Solidarity Convention at the National Theatre on 6 June 1965. <https://www.nas.gov.sg/archivesonline/data/pdfdoc/lky19650606.pdf> [Tarikh capaian 1 Jun 2023].
- The Straits Times, "MSC was held in Penang on 15 August", 28 July 1965 [Microfilm Reel NL12171]. Newspaper SG Online
- The Straits Times, "Very supportive to the Alliance Party, from MCA", 9 Julai 1965 [Microfilm Reel NL12171]. Newspaper SG Online
- The Straits Times, "A dream shattered...now a parting of the ways" & "Tengku: It was my idea" & "Singapore is out!" 10 August 1965 [Microfilm Reel NL12172]. Newspaper SG Online
- The Straits Times, "Under Control: Razak" 23 Julai 1964, [Microfilm Reel NL12159]. Newspaper SG Online
- The Straits Times, "23 rd victim of the riots", 4 Ogos1964 [Microfilm Reel NL12160]. Newspaper SG Online
- The Straits Times, "Alliance, PMIP in Straight Fight at Bachok", 3 June 1964 [Microfilm Reel NL12158]. Newspaper SG Online
- Yoong, D., Rajandran, K. & Suppiramaniam, R.D. Singapore in Malaysia: An Examination of Argument Structures in A Malaysian History Textbook, *Kajian Malaysia*, Vol. 35 (2), 2017, 67–85